

myMetro [Setempat](#)

Pameran Pelancongan Domestik 2010 sedia pakej menarik



2010/05/15

KUALA LUMPUR: Pengunjung berpeluang merebut pakej pelancongan menarik dengan diskaun sehingga 30 peratus jika berkunjung ke Pameran Pelancongan Domestik 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), yang bermula semalam hingga Ahad ini.

Bukan itu saja, mereka juga boleh memenangi pelbagai hadiah bernilai lebih RM100,000 termasuk pakej penginapan di tempat peranginan dan hotel terkemuka.

Naib Presiden Majlis Pelancongan Kebangsaan (NTCM), Datuk Shamsul Falak Abdul Kadir berkata, sesiapa yang mengunjungi pameran itu berpeluang memenangi hadiah berkenaan yang ditawarkan melalui beberapa bentuk pertandingan. Menurutnya, pihak penganjur juga mengadakan cabutan bertuah kepada pengunjung sepanjang pameran berkenaan. "Sepanjang pameran ini kami mengendalikan pertandingan dengan pelbagai hadiah menarik termasuklah tiket penerbangan, penginapan di hotel, baucar dan rawatan di spa melalui cabutan bertuah yang diadakan setiap jam," katanya.

Pameran selama tiga hari itu dirasmikan Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Datuk Dr Victor Wee dan kali kedua dianjurkan NTCM dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia (KPM).

Ia juga disertai agensi pelancongan berlesen, perbadanan pelancongan negeri, hotel, pusat peranginan, syarikat penerbangan dan pengeluar barangan kraftangan.